

15 OCT 1998

MAHATHIR-RENONG/I

CADANGAN TERBITAN BON RENONG MASIH DIKAJI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan masih mengkaji cadangan Renong bagi penerbitan bon untuk penyusunan semula kumpulan itu.

Perdana Menteri berkata beliau telah diberikan maklumat mengenainya dan memikirkannya sebagai sesuatu yang boleh dikaji.

"Kami belum memutuskan sama ada meluluskannya atau tidak," katanya kepada pemberita selepas mempengerusi mesyuarat dengan wakil-wakil Barisan Nasional menjelang persidangan belanjawan Dewan Rakyat dan Dewan Negara, di bangunan Parlimen, di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata beliau telah diberitahu oleh Renong bahawa kelulusan secara prinsipnya telah diberikan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim apabila Renong menyerahkan cadangan itu.

Renong baru-baru ini mengumumkan terbitan bon yang disokong kerajaan sebanyak RM10.5 bilion di bawah pelan penyusunan semula untuk membayar balik hutang kumpulan itu.

Infrastructure Development Corporation Bhd, yang akan dimiliki oleh Menteri Kewangan Diperbadankan, akan menyokong terbitan bon Renong itu.

Langkah itu adalah bagi memastikan projek-projek prasarana strategik yang dilaksanakan oleh Renong tidak terganggu dan memastikan hutang-hutang kepada sipiutang akan dibayar.

Perdana Menteri, dalam jawapan kepada satu soalan samada kerajaan akan meimbangkan terbitan bon yang serupa bagi syarikat-syarikat bermasalah lain, berkata:

"Tetapi saya mesti kata ini... jika ia merupakan cadangan baik, kita tak kira sama ada mereka menyebutnya sebagai menyelamatkan atau tidak. Jika ianya baik untuk negara, kita akan buat."

Beliau berkata perkara itu perlu diperhati dengan betul bagi memastikan bagaimana ia memberi faedah kepada Renong dan sama ada ia akan memberi kesan negatif kepada kerajaan.

Dr Mahathir berkata Malaysia tidak boleh dipengaruhi oleh kempen tiada usaha menyelamatkan yang dilaung-laungkan oleh Barat yang bertindak bertentangan daripada pendiriannya.

Sambil menyebut kes keruntuhan Long-Term Capital Management (LTCM) baru-baru ini, beliau berkata dana-dana awam digunakan untuk penyelamat dengan Rizab Persekutuan Amerika meminta bank-bank lain mengumpul berbilion dolar untuk tujuan itu.

"Ini adalah lebih buruk daripada apa yang kita pernah buat... orang-orang ini hipokrit bagi saya. Mereka kata kita tidak boleh buat tetapi mereka buat."

Perdana Menteri juga menyelar media asing kerana laporan negatif mereka mengenai negara ini yang telah, antara lain, memberi kesan negatif kepada industri pelancongan.

Beliau berkata ia dibuat dengan menyiarkan demonstrasi tertentu di Malaysia untuk menunjukkan seolah-olah negara ini mengalami ketidak stabilan politik.

"Kita mengalami masalah politik, tetapi bukan ketidak stabilan politik," kata Dr Mahathir. -- BERNAMA

MAM RAZ JR OS